

Tarikh Iklan : 27 MAC 2024 (RABU)



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN



KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma Perunding Alam Sekitar yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 330207 untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TENDER	NO. TENDER/ NAMA PROJEK	KOD BIDANG	SYARAT UTAMA PELAWAAN	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP
Jabatan Landskap Negara Tingkat 10, Blok F10 Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F Presint 1 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya	No. Tender : JLN/T/04/2024 Kajian Perbandingan Potensi Penyerapan Karbon Dioksida dan Lain-Lain Bahan Pencemaran Udara bagi Pokok Teduhan dalam Mengurangkan Kesan Pulau Haba Bandar (<i>Urban Heat Island</i>) dan Pemanasan Global	330207 (Kajian Alam Sekitar)	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) 2. Berdaftar di bawah Kod 330207 (Kajian Alam Sekitar) 3. Tempoh Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia masih sah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup Tender	RM 50.00 (Tidak akan dikembalikan) Akauntan Negara Malaysia-KPKT-T Tarikh Mula Jual: 4 April 2024 (Khamis) Tarikh Akhir Jual: 19 April 2024 (Jumaat)	Jabatan Landskap Negara Tingkat 7, Blok F10 Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F Presint 1 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya 26 April 2024 (Jumaat) Jam 12.00 tengahari

TAKLIMAT TENDER

Satu taklimat tender akan dilaksanakan dan **WAJIB DIHADIRI** oleh semua petender. Taklimat akan diadakan pada **4 APRIL 2024 (KHAMIS)** di mana petender diwajibkan untuk hadir atas tanggungjawab sendiri bagi membantu petender mendapat maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran Tender. Perunding diminta untuk mengamalkan penjarakan sosial, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* semasa taklimat diadakan. Hanya petender yang menyertai taklimat tender akan dibenarkan untuk membeli dokumen tender.

Tarikh Taklimat Tender pada:

**4 APRIL 2024 (KHAMIS) JAM 9.00 PAGI DI: BILIK MESYUARAT KEMUNING
JABATAN LANDSKAP NEGARA
ARAS 9, BLOK F10, PARCEL F
PRESINT 1, PUSAT
PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62000 PUTRAJAYA**

PERINGATAN : Sila kemukakan bersama **SALINAN SIJIL ASAL** Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang berdaftar di bawah Kod 330207 (Kajian Alam Sekitar). Tarikh sah laku sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup Tender. Dokumen Tender tidak akan dijual kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil-sijil tersebut.

Petender **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai Tender ini sekiranya Petender didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan. Mana - mana Petender yang mengemukakan surat "Kebenaran Khas Menyertai Tender Di Luar Bidang Pengkhususan" atau surat "Kebenaran Khas Menyertai Tender bagi Gred yang lebih tinggi / rendah" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA**.

SILA BAWA COP BERALAMAT UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN PENDAFTARAN/DOKUMEN

1. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank, kiriman wang atau wang pos atas nama Akauntan Negara Malaysia – KPKT – T. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.
2. Dokumen tender boleh dikemukakan secara serahan tangan/kurier dengan mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang disediakan di dalam **Arahan Kepada Petender**.
3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Tender di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 26 April 2024 (JUMAAT) Tender No. JLN/T/04/2024** dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tender yang dikemukakan melalui pos. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.

4. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Landskap Negara di alamat www.jln.gov.my dan laman web rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di alamat www.kpkt.gov.my dan laman web myprocurement di alamat www.myprocurement.treasury.gov.my.

5. *Jenis Pendaftaran:

T1 - Syarikat 100% milik warganegara

A1 - Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia dan warganegara dengan syarat pegangan saham individu yang tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 - Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia ATAU syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira samaada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.



(MANSOR BIN MOHAMAD)

Ketua Pengarah

Jabatan Landskap Negara

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tarikh :

26/3/24.